



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)100-4/10(3)

Tarikh : 8 September 2015

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah

SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL.6 TAHUN 2015 TATACARA PENGELUARAN PINJAMAN KEPADA AGENSI KERAJAAN NEGERI

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada Pegawai Pengawal mengenai tatacara Pengeluaran Pinjaman kepada Agensi Kerajaan Negeri.

2. LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri Sabah boleh memberi pinjaman kewangan kepada Agensi-Agensi seperti Perbadanan Awam Negeri, Badan-Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah dari masa ke semasa mengikut keperluan. Justru itu, Anggaran Peruntukan untuk pengeluaran pinjaman kewangan kepada Agensi Kerajaan Negeri Sabah hendaklah disediakan kepada vot Perbekalan/Pembangunan di bawah kawalan Kementerian pada Tahun Kewangan yang berkenaan.


3. TATACARA PERAKAUNAN PENGELUARAN PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

Asas Perakaunan Kerajaan Negeri Sabah masakini adalah berasaskan Tunai Ubahsuai. Oleh yang demikian beberapa tatacara perakaunan untuk pengeluaran pinjaman kewangan kepada agensi Kerajaan Negeri Sabah perlu dipatuhi seperti berikut:

3.1 Memohon Kod Akaun

Sebelum sesuatu pinjaman Kerajaan Negeri yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dikeluarkan, Kementerian berkenaan haruslah memohon kepada Jabatan Bendahari Negeri untuk mendapatkan kod akaun Pengeluaran Pinjaman Kerajaan Negeri yang bersiri 'Lxx' untuk tujuan merekodkan jumlah pinjaman dikeluarkan kepada Agensi dalam Akaun Lejar ini.

...../2-



(A)100-4/10(3)

8 September 2015

- 2 -

3.2 Menyediakan Baucar Bayaran

Setelah Kementerian berkenaan mendapat maklumat kod akaun yang bersiri 'Lxx' dari Jabatan Bendahari Negeri serta baucar jurnal pelarasan telah disediakan, maka Kementerian berkenaan bolehlah menyediakan Baucar Bayaran Am dengan mendebitkan kod siri 'Lxx' tersebut untuk pengeluaran pinjaman kewangan kepada agensi Kerajaan Negeri yang berkenaan.

3.3 Menyediakan Baucar Jurnal

Sebelum sesuatu baucar bayaran pengeluaran pinjaman yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Pembangunan atau vot Perbekalan disediakan, adalah dimestikan satu baucar jurnal pelarasan disediakan terlebih dahulu seperti entri berikut:

Debit - Sxx atau Dxx

(Vot Perbekalan/Pembangunan di bawah kawalan Kementerian berkenaan)

Kredit - K99 150 160210 990115 00000000 00000

(Kod Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun Dan Lain-lain Agensi di bawah kawalan Jabatan Bendahari Negeri)

Perlu diingatkan Kementerian berkenaan dikehendaki menandatangani bahagian Debit sahaja baucar jurnal tersebut memandangkan kod pada bahagian Debit adalah kod di bawah kawalan Kementerian dan Jabatan Bendahari Negeri akan menandatangani bahagian Kredit kerana kod tersebut adalah di bawah kawalan Jabatan ini.

Jika pengeluaran pinjaman Kerajaan Negeri dikenakan kepada 'Kumpulan Wang bagi Pinjaman-Pinjaman' maka baucar jurnal pelarasan tidak perlu disediakan.

4. PENGHANTARAN BAUCAR BAYARAN PENGELUARAN PINJAMAN

Apabila membuat penghantaran baucar bayaran kepada Jabatan Bendahari Negeri untuk proses bayaran seterusnya baucar jurnal pelarasan berkenaan mestilah disertakan bersama dengan baucar bayaran. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kelewatan proses bayaran pengeluaran pinjaman tersebut.

.../3-

(A)100-4/10(3)

8 September 2015

- 3 -

5. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.

6. PENUTUP

Sekiranya ada kemuskilan dan pertanyaan dalam pelaksanaan surat pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Kanan Bahagian Pengurusan Akaun Awam, Jabatan Bendahari Negeri di telefon 088-272000 untuk penerangan lanjut.

Sekian, harap maklum dan terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'


CHUI NGET NGO
Bendahari Negeri

s.k Penolong Bendahari Negeri (PPP)
 Bahagian Penerimaan & Pembayaran
 Jabatan Bendahari Negeri

" Akauntan Kanan (PAA)
 Bahagian Pengurusan Akaun Awam
 Jabatan Bendahari Negeri

CNN/JS/dcm